

06/07/1999

Kamaruddin antara 9 ahli Umno dipecat

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Tertinggi (MT) Umno malam ini memecatkan sembilan ahli parti itu, termasuk Ketua Umno Bahagian Tumpat, Datuk Kamaruddin Jaafar, kerana terbabit dengan kegiatan membantu dan menyertai parti pembangkang.

Turut dipecat bekas Ahli Parlimen Tasik Chenderoh, Senator Hamzah Mohd Zin, yang menyertai Parti Keadilan Nasional (KeADILan) dan Setiausaha Umno bahagian Tumpat, Saupi Daud.

Enam lagi ialah empat dari bahagian Bukit Gantang, Ismail Jusoh, Said Othman, Tarmizi Ismail dan Jubli Sabran; ahli bahagian Tumpat, Mohamad Nor serta ahli bahagian Johor Bahru, Abdul Wahab Abdullah.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata MT juga memutuskan untuk menghantar surat tunjuk sebab kepada enam ahli dari bahagian Tasik Chenderoh.

Mereka ialah Ahmad Azam Abdullah, Mohd Nazam Ismail, Mohd Aminudin Mohd Hashim, Hashim Nawawi, Mohamad Nor Mohamad dan Mohd Yasin Mohd Jusoh.

"Jawatan Kamaruddin akan dipangku Timbalan Ketua Bahagian, Mansor Salleh," katanya selepas mesyuarat MT di sini. Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Perdana Menteri yang juga Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mei lalu, Kamaruddin mengemukakan permohonan bercuti daripada menjalankan tugas ketua bahagian dengan alasan ingin menyiapkan buku dan tempatnya dipangku oleh Mansor.

Abdullah yang menjalankan tugas-tugas timbalan presiden parti berkata, MT juga meluluskan penubuhan 11 cawangan baru parti iaitu empat di Negeri Sembilan, Sabah (dua), Johor (dua) dan masing-masing satu di Terengganu, Perak dan Pulau Pinang.

Ditanya sama ada kedudukan bekas Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi turut dibincangkan dalam mesyuarat itu, Abdullah berkata perkara berkenaan tidak dibincangkan.

(END)